



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 14/2002**

**PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN SECARA "BLENDED E-LEARNING" DI BAWAH SKIM PROLUS DAN PEMBELIAN PERISIAN LATIHAN SECARA LESEN**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai keputusan Lembaga Pengarah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang telah meluluskan pelaksanaan latihan secara "Blended E-Learning" dan pembelian perisian latihan secara lesen.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi secara meluas telah mengubah cara bagaimana latihan dijalankan. Daripada pendekatan latihan bersemuka yang memerlukan pengajar dan pelatih untuk berada di dalam kelas, beberapa pendekatan baru telah diperkenalkan bagi memudahkan cara latihan dijalankan.
- 2.2 Menyedari tentang pentingnya pendekatan baru dalam latihan yang boleh membantu majikan meningkatkan kemahiran pekerja, Lembaga Pengarah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah meluluskan pelaksanaan program latihan "E-Learning". Melalui "E-Learning" majikan di harap dapat melatih lebih ramai pekerja melalui pendekatan latihan yang lebih fleksibel.
- 2.3 Walau bagaimanapun sambutan dari kalangan majikan terhadap program latihan yang dijalankan secara "E-Learning" masih lagi rendah. Bagi menggalakkan lagi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang terkini dalam latihan, PSMB telah meluluskan dua lagi kaedah latihan "E-Learning" yang baru seperti :-
- a. "Blended E-Learning"; dan
  - b. Pembelian Perisian Latihan Secara Lesen melalui "Local Area Network".

**3. PERLAKSANAAN**

**3.1 Blended E-Learning**

Majikan boleh mengikuti latihan secara "Blended E-Learning" daripada penyedia latihan yang diluluskan oleh PSMB. Latihan akan dilaksanakan secara E-Learning (Local Area Network) dengan bantuan fasilitator didalam kelas dan secara "self-paced" ditempat kerja secara "online". Sehingga kini, PSMB telah meluluskan satu penyedia latihan bagi menjalankan latihan secara "Blended E-Learning" seperti di bawah:-

Mimos Berhad  
Technology Park Malaysia  
57000 Kuala Lumpur,  
(u/p : Suhaizah Md Salleh)

Tel : 03-8996 5000  
Faks : 03-2722 8475

3.2 Pembelian Perisian Latihan Secara Lesen melalui "Local Area Network"

Majikan boleh melanggan perisian latihan yang dipasang di dalam "server" syarikat secara lesen. Bagi tujuan ini majikan perlu mengemukakan kertas kerja permohonan pembelian lesen perisian tersebut kepada PSMB bagi mendapatkan kelulusan terlebih dahulu. Setelah mendapat kelulusan bertulis dari PSMB, majikan boleh melanggan perisian latihan tersebut secara lesen bagi tempoh satu tahun. Format kertas kerja hendaklah mengandungi butiran seperti berikut:

- a. Tujuan
- b. Latar Belakang
- c. Kandungan Perisian dan Metodologi Latihan
- d. Pembelian/Pemasangan Perisian tersebut
- e. Sebut Harga dari pembekal
- f. Faedah diperolehi dari pembelian lesen perisian Tersebut bagi tujuan melatih pekerja syarikat
- g. Jadual Pembayaran

**4. PENUTUP**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada 24 September 2002.

Sekian, terima kasih.

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"**  
**"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"**

Yang ikhlas,

**(DATUK YAU DE PIYAU)**

Ketua Eksekutif  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad  
s.k Penyedia Latihan Berdaftar di Bawah Skim PROLUS

